

# KDNK 13% sektor swasta mampu dilaksanakan

KUALA LUMPUR 17 Jun - Sasaran meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi sektor swasta daripada dua peratus kepada 13 peratus mampu dilaksanakan sekiranya semua pihak bekerjasama menjayakannya.

Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin berkata, sasaran itu dibuat bagi menggalakkan sektor swasta turut sama menggembleng tenaga bagi menjana ekonomi negara.

"Saya juga berharap agar koperasi yang berpotensi akan memainkan peranan mereka dalam membawa pulang pekerja mahir tempatan yang berkhidmat di luar negara supaya kembali menabur bakti di tanah air.

"Walaupun kelihatan agak sukar, tetapi ia perlu dilakukan demi memastikan negara tidak ketandusan tenaga mahir tempatan selepas ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam forum bertajuk 'RMK-10: Maklum balas daripada generasi muda' di Universiti UCSI kampus Kuala Lumpur di sini.

Turut menyertai forum berkenaan ialah Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua dan Ketua Eksekutif Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (Ideas), Wan Saiful Wan Jan.

Forum yang dipengerusikan oleh penyarah Fakulti Ekonomi dan Sains Polisi, Universiti UCSI, Dr. Ong Kian Ming itu turut mengupas mengenai peranan generasi muda dalam meningkatkan ekonomi negara.

Sementara itu, Wan Saiful turut sependapat dengan Khairy dan menyifatkan RMK-10 suatu dokumen yang dipenuhi idea-idea yang bernas.

"Pada pandangan saya, RMK-10 tidak jauh bezanya dengan Model Baru Ekonomi (MBE) terutamanya dari segi kandungan.

"Bagaimanapun, penerangan yang diberikan dalam RMK-10 lebih mendalam daripada segenap aspek," katanya.